

Bab Lima

Epilog

Ringkasan

Berdasarkan kepada perbincangan alat muzik tabuhan didapati bahawa alat muzik itu adalah merupakan alat muzik yang menghasilkan bunyi akibat dipalu atau ditabuh pada permukaan yang ditutupi dengan kulit binatang yang ditegangkan. Oleh itu, alat muzik tabuhan tergolong dalam kumpulan alat muzik membranofon.

Kumpulan alat muzik membranofon merupakan satu daripada kumpulan alat muzik yang diklasifikasikan oleh Sachs-Hornbostel pada tahun 1914 iaitu kumpulan alat muzik yang terdiri daripada alat-alat muzik yang menghasilkan timbre bunyi akibat paluan atau pukulan ke atas kulit binatang yang dipasang pada baluh dalam keadaan tegang.

Selain itu, terdapat juga beberapa kumpulan alat muzik lain yang diklasifikasikan oleh Sachs-Hornbostel iaitu seperti kumpulan alat muzik idiofon, kordofon dan aerofon.

Dalam kajian ini menggunakan istilah alat muzik tabuhan sebagai menggantikan istilah kepada alat muzik membranofon. Secara umumnya, alat muzik tabuhan (alat muzik membranofon) masyarakat Melayu boleh dibahagikan mengikut bentuk baluh iaitu bentuk tiub, kun, goblet dan berbingkai.

Bentuk baluh tiub boleh dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut bentuk baluh seperti tong panjang dan bercembung, barel, silinder panjang dan silinder pendek. Bentuk baluh tong panjang dan bercembung adalah seperti gendang, gendang Jawa, gendang Nobat dan katindiek.

Manakala, bentuk baluh barel adalah seperti geduk dan jiduk. Bentuk baluh silinder panjang adalah seperti gendang tarinai dan bentuk baluh silinder pendek ialah

seperti gendang marwas. Bentuk baluh kun pula adalah seperti beduk dan rebana ubi. Gedumbak tergolong dalam bentuk baluh goblet dan bentuk baluh berbingkai adalah seperti rebana.

Begitu juga dengan alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut pengklasifikasian Sachs-Hornboster iaitu berdasarkan bentuk baluh. Secara umumnya, alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu bentuk baluh tiub, kun, goblet dan berbingkai.

Dalam masyarakat Melayu Kelantan, bentuk baluh tiub iaitu bentuk baluh tong panjang dan bercembung adalah seperti gendang dua muka. Manakala, bentuk baluh berel terdiri daripada geduk. Bentuk baluh kun mempunyai bentuk baluh besar adalah seperti rebana ubi dan rebana besar. Bentuk baluh goblet adalah seperti bentuk piala iaitu gedumbak dan bentuk baluh berbingkai adalah seperti rebana.

Manakala, alat muzik tabuhan masyarakat Cam pula dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu bentuk baluh tiub dan berbingkai. Bentuk baluh tiub iaitu bentuk baluh panjang dan bercembung adalah seperti ginang dan bentuk baluh berbingkai pula iaitu bari'nung (bana).

Daripada empat kumpulan itu, bentuk baluh tiub iaitu bentuk baluh tong panjang dan bercembung merupakan bentuk baluh yang sering digunakan dalam repertoire tradisional masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Bentuk baluh panjang dan bercembung seperti gendang (ginang) menjadi dominan dan penting dalam repertoire masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Ini adalah kerana gendang (ginang) bertindak sebagai membawa rentak, menentukan tempo lagu dan menghasilkan isyarat dalam ensembel muzik repertoire tradisional.

Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam amat percayai bahawa alam ini turut didiami semangat. Semangat adalah suatu kuasa yang boleh mempengaruhi sesuatu benda atau kejadian. Oleh itu, semangat berada pada benda yang bernyawa dan tidak bernyawa seperti batu, pokok dan

besi. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam sentiasa berusaha menjaga semangat agar tidak membawa kemusnahan atau bencana kepada kehidupan mereka. Justeru, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam sering mengadakan upacara ritual dalam kehidupan harian mereka. Selain itu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam juga mempercayai bahawa semangat mempunyai kuasa yang dapat membantu manusia di dalam kehidupan harian.

Menurut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam dipercayai bahawa semangat mempunyai kaitan rapat dengan repertoire seni persembahan dan alat muzik tabuhan. Oleh itu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa repertoire seni persembahan yang dipersembahkan oleh masyarakat mereka mengandungi semangat. Ini dapat dilihat pada setiap kali sebelum mengadakan persembahan repertoire seni persembahan perlu menjalani upacara ritual khusus dengan diiringi bunyian muzik seperti upacara baca kenduri, buka alat muzik, buka panggung dan tutup panggung. Di mana, setiap semangat yang menghuni atau mendiami alam semulajadi perlu dihormati dan didamai bagi mengelakkan perkara

yang tidak diingini berlaku. Selain itu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam juga mempercayai dengan menggunakan irungan muzik dalam upacara ritual, ia dapat memujuk dan mendamaikan semangat.

Begitu juga, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa alat muzik tabuhan turut didiami semangat. Ini menyebabkan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa semangat yang mendiami alat muzik tabuhan yang mempengaruhi mutu bunyi. Selain itu, alat muzik tabuhan juga dikaitkan dengan semangat kerana bahan-bahan yang digunakan untuk membuat alat muzik itu diperolehi daripada pokok kayu dan kulit binatang yang dipercayai turut didiami semangat.

Untuk menjaga keharmonian semangat yang mendiami alat muzik tabuhan, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mengadakan upacara ritual khusus. Upacara ritual khusus bertujuan supaya semangat yang berada pada alat muzik tabuhan tidak terganggu sebelum digunakan dalam sebarang persembahan. Ini bermaksud, setiap kali sebelum mengadakan sebarang persembahan repertoire seni

persembahan perlu menjalini upacara ritual buka alat muzik terlebih dahulu. Upacara buka alat muzik amat penting kerana semangat yang berada pada alat muzik perlu dipujuk atau didamai untuk mengelakkan berlaku bencana semasa persembahan.

Dalam upacara ritual buka alat muzik, setiap alat muzik perlu menjalani terutama alat muzik tabuhan. Upacara ritual buka alat muzik diketuai oleh seorang bomoh dan dibantu oleh beberapa pemuzik. Semasa proses upacara ritual buka alat muzik, bomoh akan mengambil alat muzik tabuhan terlebih dahulu sebelum diambil alat-alat muzik yang lain. Semasa itu, bomoh akan menyeru semangat sambil menyebut nama khas setiap alat muzik tabuhan dengan mengasap asap kemenyan pada permukaan setiap alat muzik itu. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam percaya bahawa dengan mengasap permukaan alat muzik tabuhan dapat memelihara semangat yang berada pada alat muzik itu tidak terganggu atau membawa kerosakan semasa persembahan.

Hubungan semangat dengan alat muzik tabuhan amat penting kerana dipercayai bahawa semangat yang membantu melicinkan persembahan repertoire seni persembahan. Ini adalah kerana semangat yang berada pada gendang dipercayai mempengaruhi dan membantu pemain gendang bermain dengan penuh bertenaga semasa persembahan. Selain itu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa semangat juga yang mempengaruhi pemain gendang (ginang) menabuh dengan penuh bertenaga untuk menghasilkan bunyi yang menarik. Ini adalah kerana, semangat yang berada pada alat muzik tabuhan yang menyerap masuk ke dalam tubuh pemain gendang (ginang).

Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam juga mempercayai bahawa semangat yang berada pada alat muzik tabuhan dikatakan mempunyai kemampuan membantu menarik semangat luar menyerap masuk ke dalam tubuh individu semasa pengubatan. Ini adalah kerana bunyi yang dihasilkan daripada alat muzik tabuhan dipercayai dapat menghasilkan satu keadaan kelupaan kepada individu yang membenarkan tubuhnya dimasuki semangat. Oleh itu, bunyi

yang dihasilkan daripada alat muzik tabuhan mampu menghasilkan keadaan kelupaan dengan dibantu bunyian alat muzik rebab atau kahin (alat muzik masyarakat Cam seperti alat muzik rebab). Gabungan rentak dan melodi daripada gendang dan rebab yang dimainkan membolehkan semangat luar ditarik masuk ke dalam alam manusia.

Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam juga mempercayai bahawa semangat yang berada pada gendang, rebana ubi dan ginang mempunyai kuasa untuk menimbulkan bunyi yang menarik. Semangat itu sering dipuja dan disediakan beberapa sajian untuk memelihara semangat agar tidak terganggu. Begitu juga, setiap kali alat muzik tabuhan memasuki pertandingan, ia akan diasap dan dibaca jampi mantera untuk memperolehi persetujuan daripada semangat. Selain itu, upacara ritual pemujaan bertujuan memelihara semangat daripada membawa bencana semasa pertandingan dan membantu menghasilkan bunyi yang menarik.

Untuk menghasilkan pelbagai timbre bunyi dalam ensembel muzik repertoire seni persembahan terdapat

beberapa cara tabuhan dihasilkan. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam juga mempunyai cara tabuhan tersendiri untuk alat muzik tabuhan. Tesis ini merujuk kepada cara tabuhan gendang dua muka bagi masyarakat Melayu Kelantan dan ginang bagi masyarakat Cam. Biasanya, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menggunakan jari tangan untuk menabuh pada permukaan gendang (ginang) bagi menghasilkan timbre bunyi.

Bagi pemain gendang dalam masyarakat Melayu Kelantan, mereka menabuh gendang dengan menggunakan jari tangan samada tangan kanan atau kiri (jari telunjuk, jari hantu, jari manis dan jari kelingking). Kawasan atau bahagian menghasilkan timbre bunyi yang menjadi sasaran adalah seperti di bahagian tepi baluh dan tengah baluh gendang. Tabuhan di bahagian tersebut menghasilkan timbre bunyi seperti timbre "pak" dan "doh" bagi gendang ibu. Timbre bunyi "pak" dihasilkan daripada tabuhan ke atas muka kecil dan timbre bunyi "doh" pula dihasilkan daripada tabuhan di tengah muka besar. Manakala, timbre bunyi "cak" dan "ting" dihasilkan daripada gendang anak. Bagi timbre bunyi

"cak" dihasilkan daripada tabuhan ke atas muka kecil dan timbre bunyi "ting" pula pada di bahagian tepi muka besar gendang anak.

Cara tabuhan masyarakat Cam juga menggunakan jari tetapi bergantung kepada penggunaan tangan kanan atau tangan kiri (jari telunjuk, jari hantu, jari manis dan jari kelingking). Kawasan atau bahagian paluan yang sering menjadi sasaran ke atas ginang bagi menghasilkan timbre bunyi adalah di bahagian tepi, bahagian tengah dan di antara bahagian tengah dan tepi baluh ginang. Cara tabuhan ke atas setiap kawasan itu akan menghasilkan timbre bunyi tertentu seperti timbre bunyi "dit", "to'g" dan "dung". Timbre bunyi "dit" dihasilkan di bahagian tepi baluh dan timbre bunyi "to'g" pula di antara bahagian tengah dan tepi baluh. Manakala, timbre bunyi "dung" dihasilkan di bahagian tengah muka ginang.

Begitu juga dengan posisi-posisi semasa menabuh gendang dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam yang mempunyai keunikan tersendiri. Setiap posisi semasa menabuh gendang bergantung kepada keselesaan seseorang

pemain alat muzik itu. Kedudukan posisi yang digunakan oleh pemain gendang (ginang) masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempunyai posisi yang tersendiri. Namun begitu terdapat beberapa persamaan posisi yang sama digunakan oleh pemain gendang masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Biasanya, posisi yang digunakan oleh pemain gendang dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam adalah seperti meletakkan gendang di atas peha pemain. Posisi sebegini memudahkan pemain untuk menabuh dan juga mengelakkan pemain merasa cepat letih atau penat. Posisi meletak gendang (ginang) di atas peha merupakan posisi popular yang digunakan oleh pemain gendang (ginang) bagi masyarakat Melayu Kelantan dan Cam.

Selain itu juga terdapat beberapa posisi lain iaitu seperti meletakkan gendang di celah kaki, di hujung kaki pemain, di atas lantai dan posisi gendang yang bersilang seperti yang digunakan oleh dua pemain ginang masyarakat Cam.

Bagi membentuk pola rentak dalam lagu, pemain gendang masyarakat Melayu Kelantan bergantung kepada

struktur gongan. Struktur gongan bermaksud jangka masa tertentu yang ditanda pada hujung pusingan dengan pic yang paling rendah dalam ensemble muzik repertoire. Bagi masyarakat Melayu Kelantan, jangka masa gongan ditentukan oleh paluan ke atas gong ibu di hujung gongan. Struktur gongan di dalam ensemble muzik repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan boleh dibahagikan kepada setengah, kesepertiga, kesepertigaan dan seterusnya. Namun begitu, struktur gongan masyarakat Cam tidak selengkap struktur gongan masyarakat Melayu Kelantan.

Begitu juga, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menggunakan dua buah gendang (ginang) yang dimainkan oleh dua orang pemain untuk membentuk pola rentak tabuhan yang menarik. Setiap pemain gendang (ginang) akan menghasilkan pola rentak yang tersendiri mengikut lagu yang dimainkan semasa persembahan. Pola rentak yang dihasilkan daripada dua buah gendang (ginang) digabung dan menghasilkan pola rentak yang bertingkah-tingkah (*interlocking*). Pengabungan pola rentak itu menghasilkan struktur rentak yang lengkap dan menarik.

Biasanya, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam memainkan pola rentak dengan merujuk kepada pola rentak asas iaitu pola rentak empat bit atau lapan bit. Pola rentak asas itu akan memperkembangkan nilai bit dalam lagu-lagu yang dimainkan dalam repertoire Wayang Kulit Siam dan Rija. Setiap bit dalam lagu-lagu yang dimainkan di dalam repertoire Wayang Kulit Siam dan Rija akan mengalami perkembangan gandaan lipat dua.

Pembentukan struktur rentak asas tabuhan juga mempunyai hubungan dengan melodi yang dihasilkan daripada serunai. Di mana, serunai menghasilkan melodi untuk membantu alat muzik tabuhan membentuk rentak asas. Biasanya, dalam membantu alat muzik tabuhan, serunai akan menghasilkan melodi cepat atau perlahan.

Selain membentuk struktur rentak di dalam repertoire, alat muzik tabuhan mempunyai fungsi yang bergantung kepada penggunaanya dalam aktiviti masyarakat. Oleh itu, didapati bahawa alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempunyai fungsi seperti ritual dan hiburan. Selain itu, alat

muzik tabuhan juga mempunyai fungsi sosial di dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Justeru, fungsi sosial yang terdapat pada alat muzik tabuhan telah menyatupadukan dan melahirkan perasaan kekitaan di kalangan masyarakat masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Oleh itu, alat muzik tabuhan di dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempunyai fungsi yang penting dan dominan.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan didapati bahawa masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempunyai hubungan kebudayaan yang erat yang disebabkan alat muzik tabuhan. Ini adalah selari dengan hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu hubungan kebudayaan terjalin di antara masyarakat Melayu Kelantan dan Cam berdasarkan alat muzik tabuhan. Selain itu, hipotesis dapat dibuktikan dengan menggunakan teori akulturasi dalam usaha untuk membuktikan hubungan kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam.

Menurut teori akulturasi yang digunakan dalam kajian ini ialah suatu proses yang berlanjutan di mana sesuatu budaya diserap atau menyerap ke atas sesuatu budaya lain bersama-sama berlaku dengan pengubahsuaian. Pengubahsuaian merujuk kepada penyesuaian ke atas sesuatu budaya untuk mengadaptasikan sesuatu budaya baru. Oleh itu, didapati bahawa kebudayaan masyarakat Cam mempunyai persamaan dengan kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan tetapi terdapat beberapa pengubahsuaian yang mengikut kebudayaan tempatan yang berasaskan alat muzik tabuhan.

Berdasarkan kepada teori akulturasi yang digunakan dalam kajian ini dapat mengambarkan bahawa telah berlaku proses perkembangan kebudayaan Melayu Kelantan dalam masyarakat Cam. Masyarakat Cam telah menerima kebudayaan Melayu Kelantan diantaranya seperti ilmu muzik, ilmu pengubatan, ilmu persilatan dan ilmu ramalan dengan melakukan pengubahsuaian ke atasnya. Selain itu, masyarakat Cam juga telah menerima alat-alat muzik masyarakat Melayu Kelantan seperti gendang (ginang), serunai (sarina) dan rebana (bari'nung)

untuk digunakan dalam repertoire tradisional mereka. Ini adalah kerana kebudayaan Melayu dan alat-alat muzik telah dibawa bersama oleh sebilangan orang Melayu Kelantan yang berkhidmat di Campa sebagai tentera upahan. Pahlawan-pahlawan Melayu diupah untuk membantu kerajaan Campa berperang dengan Annam (Vietnam). Di mana, tentera upahan Melayu akan membuat petempatan mereka di Campa dan mengamalkan kebudayaan mereka sendiri. Pada masa yang sama, tentera upahan Melayu berinteraksi dengan masyarakat Cam telah menyebabkan berlaku perkembangan kebudayaan masyarakat Melayu ke atas masyarakat Cam dan kebudayaan Melayu telah diubahsuai mengikut kebudayaan tempatan.

Selain itu, perkembangan kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan di Campa dapat dilihat kepada beberapa ciri repertoire seni persembahan yang terdapat pada masyarakat Cam. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam banyak bergantung kepada penggunaan alat muzik tabuhan dalam repertoire seni persembahan. Ini adalah bermaksud, alat muzik tabuhan seperti gendang merupakan alat muzik yang penting untuk menghasilkan tempo lagu dan pembawa

rentak semasa persembahan. Namun begitu, masyarakat Cam telah mengubahsuaikan kepentingan alat muzik tabuhan terutamanya ginang berdasarkan kepada repertoire seni persembahan masyarakat mereka. Oleh itu, terdapat beberapa ciri gendang masyarakat Melayu Kelantan telah diubahsuaikan untuk diselaraskan dan disesuaikan dengan repertoire tempatan.

Walaupun telah terdapat beberapa pengubahsuaihan terhadap gendang, masyarakat Cam masih mengekalkan peranannya sebagai pembawa rentak dan tempo disamping menghasilkan pola rentak asas. Di mana, pola rentak asas yang dihasilkan oleh pemain ginang dalam repertoire seni persembahan masih berdasarkan kepada pola rentak dua bit dan empat bit. Masyarakat Cam masih mengekalkan pola rentak dua bit dan empat bit dalam repertoire seni persembahan mereka bagi membentuk struktur rentak yang lengkap. Selain itu, didapati pola rentak asas tersebut dikembangkan dengan gandaan dua pada setiap satu bit untuk melengkapkan sesuatu struktur rentak lagu. Ini berlaku apabila pengembangan pola rentak dua bit menjadi pola rentak empat bit dan pola rentak empat bit

pula telah berubah pada pola rentak lapan bit. Ini mempunyai persamaan dengan pola rentak asas di dalam repertoire Wayang Kulit Siam yang dihasilkan daripada perkembangan gandaan libat dua untuk membentuk pola rentak empat bit atau lapan bit.

Didapati juga bahawa dalam repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam, pemain gendang (ginang) menghasilkan pola rentak yang bertingkah-tingkah. Pemain ginang dalam repertoire Rija telah menggunakan dua buah ginang untuk membawa lagu dengan menghasilkan pola rentak tersendiri. Setiap pemain ginang akan menghasilkan pola rentak tersendiri berdasarkan lagu yang dimainkan. Pola rentak yang dihasilkan daripada dua buah ginang itu digabungkan untuk menghasilkan bunyi yang bertingkah-tingkah. Gabungan bunyi itu mewujudkan struktur rentak yang menarik. Di mana, pemain ginang ame (ginang ibu) memainkan peranan sebagai peningkah iaitu menghasilkan pola rentak tersendiri dengan bertingkah di antara pola rentak ginang anak.

Namun begitu, masyarakat Cam telah mengubahsuaikan peranan ginang ame kepada peningkah berbanding gendang ibu masyarakat Melayu Kelantan lebih kepada pembawa rentak dan tempo. Begitu juga, ginang anak pula berperanan sebagai pembawa rentak dan tempo berbanding gendang anak masyarakat Melayu Kelantan hanya bertindak sebagai peningkah.

Begitu juga didapati teknik atau cara tabuhan ginang dalam repertoire Rija masyarakat Cam hampir mempunyai persamaan dengan teknik tabuhan gendang di dalam repertoire Wayang Kulit Siam masyarakat Melayu Kelantan. Di mana, persamaan teknik tabuhan dapat dilihat kepada penggunaan jari tangan (jari telunjuk, jari hantu, jari manis dan jari kelingking) yang bertindak sebagai alat menabuh. Untuk menghasilkan timbre bunyi yang menarik dan sesuai, didapati pemain gendang (ginang) dalam repertoire Wayang Kulit Siam dan Rija menabuh di bahagian tepi, tengah dan di antara tengah dan tepi muka gendang. Tabuhan pada bahagian-bahagian tersebut dapat menghasilkan timbre bunyi yang berbeza mengikut ketegangan kulit yang dipasang pada

permukaan muka gendang. Namun begitu, pemain ginang dalam repertoire tradisional Rija telah mengubahsuaikan teknik tabuhan dengan hanya menabuh pada bahagian tepi, tengah dan di antara tengah dan tepi muka ginang bagi menghasilkan timbre bunyi.

Selain itu didapati bahawa gendang (ginang) juga digunakan dalam upacara ritual pengubatan tradisional. Dalam upacara ritual pengubatan tradisional, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam memerlukan iringan muzik sebagai elemen untuk menimbulkan suasana yang diperlukan. Oleh itu, gendang (ginang) telah memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan keadaan suasana kelupaan. Ini adalah kerana masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa dengan penggunaan muzik yang dihasilkan daripada gendang (ginang), ia dapat mempercepatkan tindak balas semasa upacara pengubatan. Keadaan kelupaan amat diperlukan semasa proses pengubatan supaya semangat yang dipuja oleh bomoh dapat memasuki ke alam manusia melalui tubuh pelaku semasa kelupaan. Pelaku merupakan individu yang membenarkan tubuhnya dimasuki semangat yang dipuja oleh bomoh. Oleh

itu, didapati bahawa penggunaan gendang (ginang) dalam proses upacara ritual pengubatan tradisional masyarakat Melayu Kelantan dan Cam hampir mempunyai peranan yang sama.

Begitu juga didapati bahawa masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa alat muzik tabuhan didiami semangat. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa untuk menjaminkan keharmonian dan memelihara ketenteraman semangat yang berada pada alat muzik tabuhan perlu mengadakan upacara ritual buka alat muzik. Oleh itu, semua alat muzik tabuhan yang digunakan dalam repertoire Wayang Kulit Siam dan Rija perlu menjalani upacara ritual sebagai memohon kebenaran atau persediaan sebelum persembahan. Didapati proses upacara ritual itu mempunyai beberapa persamaan seperti diketuai oleh seorang bomoh, setiap alat muzik tabuhan perlu diasap terlebih dahulu dan beberapa sajian disediakan. Bomoh merupakan individu yang akan menguruskan upacara ritual buka alat muzik dengan membaca jampi mantera.

Melalui teori akulturasi juga didapati alat muzik tabuhan yang digunakan oleh masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempunyai persamaan fungsi yang hampir sama. Di mana, alat muzik tabuhan berfungsi sebagai ritual, hiburan dan sosial. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam telah menggunakan alat muzik tabuhan dalam upacara ritual seperti upacara ritual pengubatan, puja semangat padi dan upacara buka tanah pertanian. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam juga menggunakan alat muzik tabuhan untuk memberikan hiburan kepada mereka pada masa lapang terutamanya pada waktu malam. Dengan cara sedemikian, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam dapat mengisikan masa lapang mereka pada waktu malam tanpa merasa bosan.

Selain daripada penggunaan teori akulturasi dalam kajian ini turut dapat dijelaskan berdasarkan beberapa sumber. Amu Nhan seorang pengkaji alat muzik Cam yang berbangsa Cam telah menyatakan terdapat persamaan bentuk dan jenis alat muzik yang digunakan oleh masyarakat Cam di dalam repertoire Rija. Beliau menjelaskan di dalam artikelnya, "Am Nhac Cham" (Alat

Muzik Cam) iaitu terdapat penggunaan alat muzik Melayu Kelantan di dalam repertoir Rija. Begitu juga dengan Dr Thanh Phan (Ketua jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Vietnam) dan Phu Van Han (Ketua Lembaga Kebudayaan Cam) turut berpendapat bahawa alat muzik Melayu Kelantan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas repertoir seni persembahan masyarakat Cam terutamanya repertoir Rija (Diperolehi semasa sesi temubual).

Berdasarkan kepada perbincangan tersebut didapati bahawa masyarakat Cam telah menerima alat-alat muzik Melayu Kelantan terutamanya gendang untuk digunakan di dalam orkestra muzik mereka. Gendang telah diubahsuaikan terutamanya saiz baluh dan cara menabuh mengikut repertoir seni persembahan tempatan. Namun begitu, terdapat beberapa ciri-ciri persamaan seperti membawa rentak lagu, tempo lagu, menghasilkan bunyi bertingkah-tingkah, menggunakan pola rentak asas empat bit dan lapan bit disamping menghasilkan isyarat semasa persembahan. Selain itu, gendang (ginang) mempunyai fungsi sebagai alat hiburan, ritual dan sosial. Oleh

itu, ia dapat menerangkan bagaimana berlakunya hubungan kebudayaan di antara masyarakat Melayu Kelantan dan Cam yang berdasarkan alat muzik tabuhan. Begitu juga dengan penggunaan teori akulturasi telah dapat membuktikan hipotesis dengan menyatakan bahawa terdapat pengaliran keluar alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan ke Campa seperti yang dibuktikan dan diterangkan daripada perbincangan sebelum itu.

Saranan-saranan untuk masa depan alat muzik tabuhan

Alat-alat muzik tradisional semakin terpinggir berbanding alat-alat muzik moden. Alat muzik tradisional sekarang amat kurang digunakan kecuali dalam upacara ritual atau repertoire tradisional yang diadakan di kawasan desa atau pedalaman. Alat muzik tradisional seperti alat muzik tabuhan kurang mendapat perhatian dan kurang digunakan di dalam repertoire-repertoire moden. Masyarakat moden kini semakin tidak menghargai alat muzik tabuhan kerana ia dikatakan ketinggalan zaman. Pandangan sedemikian memungkinkan alat muzik tabuhan dalam repertoire moden.

Perkembangan ini telah memberikan kesan yang negatif kepada perkembangan fungsi alat muzik tabuhan dalam meneruskan persaingan dengan alat muzik moden. Untuk mengatasi masalah sedemikian beberapa langkah harus dilakukan untuk mengekalkan dan menyesuaikan alat muzik tabuhan mengikut arus pemodenan.

Beberapa saranan dikemukakan bagi memajukan dan meningkatkan mutu alat muzik tabuhan. Saranan-saranan itu juga untuk mengatasi semakin kurangnya fungsi alat muzik tabuhan dalam masyarakat moden. Fungsinya hanya lebih terhad kepada upacara ritual dan keagamaan sahaja.

Saranan yang pertama, alat muzik tabuhan harus diperkenalkan kepada golongan muda di dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam atau di luar lingkungan kedua-dua masyarakat itu. Golongan muda merupakan generasi yang akan meneruskan perkembangan tradisi repertoire seni persembahan dalam masyarakat mereka. Pihak-pihak yang terbabit harus memberi penekanan kepada golongan muda supaya berminat untuk mempelajari alat muzik

tabuhan. Golongan muda harus diberikan pendedahan yang luas mengenai alat muzik tabuhan yang terdapat di dalam masyarakat mereka. Pendedahan kepada alat muzik tabuhan harus dimulakan daripada peringkat kanak-kanak lagi. Ini adalah kerana peringkat kanak-kanak merupakan pendedahan yang paling sesuai untuk mengetahui dan mempelajari alat muzik tabuhan.

Pendedahan awal amat penting kerana mempelajari alat muzik tabuhan memerlukan masa yang lama untuk memperolehi kemahiran bermain berbanding dengan alat muzik moden seperti gitar atau violin. Generasi muda harus didedahkan terlebih dahulu tentang semua aspek yang membabitkan alat muzik tabuhan. Pengetahuan tentang alat muzik tabuhan dan fungsinya akan memberikan kelebihan kepada mereka untuk terus mempelajari kemahiran bermain alat muzik tabuhan.

Selain daripada saranan di atas, penyediaan sistem pembelajaran yang formal seperti mana pembelajaran alat muzik moden harus diadakan terhadap alat muzik tradisional. Pembelajaran berbentuk formal akan

memperkemaskan teknik pembelajaran alat muzik tradisional terutamanya alat muzik tabuhan. Sistem pembelajaran yang formal seperti memperkenalkan sistem pembelajaran yang baik dan bersesuaian mengikut tahap-tahap kemahiran perlu dibentuk. Sebelum ini, alat muzik tradisional hanya dipelajari daripada bapa atau guru berdasarkan kepada sistem rote. Jika terdapat sistem pembelajaran formal, ini akan mendedahkan teknik-teknik moden dengan mengubahkan sistem terdahulu kepada penyediaan not-not lagu mengikut sistem balok. Penyediaan not-not lagu di dalam sistem balok dapat menarik minat golongan muda untuk mempelajari alat muzik tabuhan.

Bentuk pembelajaran formal mampu memudahkan mereka mempelajari alat muzik tabuhan tanpa mengira peringkat umur kerana penyediaan bahan-bahan di dalam bentuk nota-nota lagu. Pihak-pihak yang terbabit dengan tradisi itu perlu menyelaraskan sistem pembelajaran di seluruh tempat dengan memperkenalkan teknik-teknik pembelajaran yang berteraskan pendidikan sistem formal. Ini dapat memperkemaskan lagi sistem pembelajaran alat

muzik tabuhan. Kaedah ini boleh digunakan oleh masyarakat Melayu Kelantan dan Cam untuk meningkatkan mutu pembelajaran terhadap alat muzik tabuhan.

Saranan lain adalah seperti menyediakan tempat pembelajaran khas untuk mempelajari alat muzik tabuhan. Apabila bentuk pembelajaran formal telah wujud maka tempat perbelajaran yang khas perlu diadakan. Penyediaan tempat pembelajaran khas bertujuan menarik minat golongan muda mempelajari alat muzik tabuhan. Pengwujudan kelas khas amat penting bagi menggambarkan kesungguhan golongan muda untuk mempelajari alat muzik tabuhan di samping mendapat keselesaan semasa belajar. Sebelum ini pembelajaran hanya dilakukan pada masa malam dan di kawasan rumah ketua atau guru kumpulan alat muzik tabuhan. Pembelajaran hanya membabitkan individu-individu yang tinggal berhampiran dengan tempat tinggal guru sahaja. Penyediaan tempat pembelajaran khas tidak akan menyukarkan kepada individu-individu yang berminat untuk mempelajari alat muzik tabuhan. Ini memudahkan pembelajaran disampaikan dalam keadaan yang lebih tersusun dan selesa.

Penubuhan kumpulan alat-alat muzik tabuhan dari golongan muda hendaklah digalakkan terutamanya di kawasan bandar, desa, sekolah dan pusat pengajian tinggi. Penubuhan kumpulan alat muzik perlu diwujudkan bagi mengiringi tradisi repertoire seni persembahan. Ini akan dapat menarik minat mereka mempelajari alat muzik tabuhan. Penubuhan kumpulan alat muzik tabuhan turut membawa kepada pengekalan tradisi itu agar dapat dinikmati oleh generasi muda. Ini memberikan mereka rasa tanggungjawab untuk mempertahankan alat muzik tabuhan daripada hilang fungsinya dalam masyarakat moden. Kini, kumpulan pemain alat muzik tabuhan hanya dianggotai oleh golongan tua. Misalnya dalam masyarakat Cam, golongan muda tidak begitu berminat untuk menuju kumpulan atau menyertai kumpulan alat muzik tabuhan kerana tidak ada pendedahan dan tidak berminat.

Golongan muda tidak menyedari kepentingan alat muzik tabuhan pada masa akan datang. Hanya golongan tua merasai kepentingan alat muzik tabuhan untuk mencerminkan budaya masyarakat mereka. Penubuhan kumpulan alat muzik tabuhan kepada generasi muda amat

penting untuk meneruskan tradisi itu agar terus bergerak mengikut arus kemajuan.

Selain itu, pertandingan dan pertunjukkan hiburan melalui alat muzik tabuhan kepada masyarakat Melayu Kelantan dan Cam atau luar lingkungan masyarakat itu harus diperbanyakkan. Dengan adanya pertandingan, akan menarik minat generasi muda masyarakat Melayu Kelantan dan Cam untuk meneruskan permainan alat muzik tabuhan. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam akan berlatih dengan bersungguh-sungguh dan memilih pemain yang terbaik bagi memasuki pertandingan tersebut. Ini akan memakan masa yang lama untuk membentuk kumpulan yang terbaik. Mereka akan sering melakukan latihan dan ia akan menggalakkan memperkembangkan alat muzik tabuhan.

Selain itu, ia juga akan menarik minat golongan kanak-kanak untuk turut serta mempelajari alat muzik tabuhan. Kanak-kanak merupakan golongan yang mudah tertarik untuk mempelajari sesuatu yang baru dalam diri mereka. Apabila dewasa nanti, golongan ini yang akan menjadi penerus kepada tradisi tersebut. Begitu juga,

kehadiran penonton semasa pertandingan juga penting bagi mengekalkan tradisi tabuhan kerana mereka akan membawa pengalaman semasa menonton pertandingan itu.

Begitu juga dengan pertunjukan hiburan alat muzik tabuhan boleh dipelbagaikan sama ada dalam bentuk solo atau mengiringi muzik utama. Pertunjukkan dalam bentuk gabungan dengan orkestra akan memberi hiburan yang sesuai dengan masyarakat moden. Persembahan secara ini akan menghasilkan pengabungan pelbagai alat muzik tabuhan. Hasilnya satu pertunjukan yang hebat dapat dilakukan dengan pelbagai bunyi yang dihasilkan daripada pelbagai alat muzik tabuhan. Persembahan dalam bentuk orkestra akan memberi kesan mendalam kerana ia menghasilkan bunyi-bunyi yang menarik dan sedap didengari. Malah, penonton turut menikmati keindahan pengabungan bunyi yang dihasilkan daripada pelbagai alat muzik tabuhan.

Penggabungan penggunaan alat muzik tabuhan dengan peralatan muzik moden adalah satu saranan yang baik. Ini dapat dilakukan dalam sesuatu *repertoire* tradisional

yang terdapat di dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Alat muzik tabuhan dimainkan bersama-sama dengan alat-alat muzik moden untuk membentuk atau menghasilkan irama muzik kotemporari. Banyak alat muzik tabuhan yang sesuai digunakan bersama dengan alat muzik moden seperti rebana dan gendang dua muka. Bunyi yang dihasilkan oleh alat muzik tabuhan bersetujuan dengan irama akustik yang tidak menggunakan kuasa elektrik. Penggabungan itu menghasilkan bunyi yang menarik.

Ini akan mengekalkan dan mempertahankan alat muzik tabuhan daripada hilang di dalam persaingan dengan alat-alat muzik moden. Irama dan rentak yang dihasilkan daripada alat muzik tabuhan dapat memperjelaskan kegembiran dan keceriaan maksud lagu yang dibawa dalam konsep persembahan tersebut.

Dengan langkah dan saranan yang dikemukakan, diharap alat muzik tabuhan tidak akan hilang ditelan zaman. Penggunaannya akan tetap berterusan walaupun masyarakat Melayu Kelantan dan Cam sedang mengharungi arus kemodenan. Oleh itu, kepentingan dan peranan alat

muzik tradisional terutamanya alat muzik tabuhan perlu
dikekalkan bersama-sama perkembangan alat muzik moden.